

TH TAWAR HADIAH BERNILAI RM500,000 UNTUK DIMENANGI

Tempoh kempen bermula 1 Februari 2023 sehingga 31 Januari 2024.

KUALA LUMPUR, 2 FEBRUARI 2023 – Lembaga Tabung Haji (**TH**) menawarkan hadiah wang tunai dan 25 pakej umrah yang bernilai RM500,000 menerusi Kempen Cabutan 'Setia dan Menang' dan 'Simpan, Daftar dan Menang Kelab TaHa' yang bermula pada 1 Februari 2023 hingga 31 Januari 2024.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH**, Dato' Sri Amrin Awaluddin berkata, "aktiviti seumpama ini diadakan bagi memupuk dan membudayakan tabiat menabung serta membuat perancangan kewangan bagi tujuan menunaikan ibadat haji. Selain itu juga, ia adalah sebagai salah satu cara **TH** menghargai kesetiaan pendepositnya yang telah lama menyimpan di **TH**."

Pendeposit **TH** yang berumur 18 tahun dan ke atas berpeluang menyertai cabutan **Setia dan Menang** apabila mempunyai baki akaun sekurang-kurangnya RM10,000 dan mengekalkan simpanan mereka sepanjang tempoh kempen serta membuat pendaftaran haji bagi yang belum mendaftar haji. Pendeposit yang telah menunaikan haji juga layak menyertainya.

Manakala **Simpan, Daftar dan Menang Kelab TaHa** adalah terbuka kepada semua pendeposit muda berumur di bawah 18 tahun. Pendeposit hanya perlu mendeposit sekurang-kurangnya RM5,000.00 dan mengekalkan simpanan bersih minima RM5,000.00 dalam akaun **TH** serta membuat pendaftaran haji bagi yang masih belum mendaftar haji" katanya lagi.

Menerusi cabutan **Setia dan Menang** hadiah berupa wang tunai dan pakej umrah bernilai RM400,000 ditawarkan dan wang tunai bernilai RM100,000 pula kepada pendeposit **TH** yang menyertai cabutan **Simpan Daftar dan Menang Kelab TaHa**.

"Kedua dua kempen ini merupakan inisiatif **TH** sebagai galakan kepada umat Islam di Malaysia membuka akaun, menabung dan menambah simpanan untuk keperluan urusan Haji dan kegunaan di masa hadapan", kata beliau lagi.

Seramai 154 pendeposit bertuah telah memenangi hadiah bagi cabutan akhir kempen Simpan, Daftar dan Menang dan kempen Simpan, Daftar dan Menang Kelab TaHa bagi tahun 2022 yang telah dijalankan pada 20 Januari yang lalu.

Cik Zadariana binti Jamil telah berjaya memenangi wang tunai berjumlah RM25,000 bagi cabutan utama manakala Yasir Arafat Bin Bustang dan Aishah Binti Muhammad bertuah memenangi wang tunai bernilai RM15,000 setiap seorang.

Senarai penuh penerima cabutan bertuah kempen Simpan, Daftar dan Menang serta kempen Simpan, Daftar dan Menang Kelab TaHa boleh rujuk di laman sesawang dan Facebook **TH**.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan Tabung Haji (THCC) di talian 03-6207 1919.

-Tamat-

TENTANG LEMBAGA TABUNG HAJI

Lembaga Tabung Haji (**TH**) merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1963 dan ditadbir berdasarkan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535). **TH** menyediakan kemudahan bagi umat Islam di negara ini merancang simpanan bagi menunaikan ibadat haji.

Sebagai sebuah institusi haji terunggul negara dan mempunyai pengalaman 60 tahun, **TH** sentiasa berusaha menyediakan perkhidmatan yang komprehensif dan sistematik demi menjaga kebajikan jemaah haji Malaysia (tidak termasuk urusan umrah). Selain diberi tanggungjawab dan amanah untuk menguruskan simpanan pendeposit serta urusan haji yang efisien, **TH** turut menjalankan aktiviti pelaburan dalam dan luar negara yang berlandaskan syariah bagi memberi nilai tambah kepada simpanan para pendeposit.

Pencapaian **TH** yang konsisten ini telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model pengurusan haji inovatif dan mempunyai hampir sembilan juta pendeposit serta 123 cawangan dengan lebih 10,000 'touch-points' di seluruh negara. **TH** turut mempunyai sebuah pejabat yang beroperasi di Jeddah, Arab Saudi di bawah Konsulat Malaysia.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan **TH**, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Pusat Panggilan **TH** (THCC) di talian +603-6207 1919.

Keterangan lanjut mengenai siaran akhbar ini, sila hubungi:

Alisha Nur Mohd Noor
Eksekutif Perhubungan Media
Bahagian Komunikasi Korporat

Tel: +603-2027 5600 atau +6019-675 1762
Emel: alisha.nur@lth.gov.my

Mohamad Naser Jaffar
Penolong Pengurus Besar Perhubungan Awam
Bahagian Komunikasi Korporat

Tel: +603-2054 2451 atau +6019-200 8438
Emel: naser@lth.gov.my